

R PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACM-3807

INV.C 22/12/00

## MASALAH DUPLIKASI ANTARA ZAKAT DAN CUKAI PENDAPATAN DI MALAYSIA

SAMSURI BIN JELANI

JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

1999

Perpustakaan Universiti Malaya



A508766250

Dimikrofikas pada..... 29.12.2001  
No. Mikrofis..... 15173  
Jumlah Mikrofis..... 2

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI  
UPR UNIT REPROGRAFI  
PERPUSTAKAAN UTAMA  
UNIVERSITI MALAYA

# **MASALAH DUPLIKASI ANTARA ZAKAT DAN CUKAI PENDAPATAN DI MALAYSIA**

**SAMSURI BIN JELANI**

**Disertasi ini adalah bagi memenuhi syarat  
Bahagian II Berkursus dan Disertasi**



**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
1999**

## DEDIKASI

*Ku tujukan khusus kepada isteri tersayang  
Hajjah Sapiah bt. Adam;*

*Di atas segala pengorbanan dan sokongan dan  
dorongan mu itu amat ku hargai,*

*Kepada anak-anakku;*

*Fahmi, Ikhwan Murni, Ikhwan Suria  
Norshahida dan Noorfarahah*

*Semoga kamu akan mengikuti  
jejak langkah Rasulullah s.a.w  
Untuk menjadi orang yang bertakwa  
dan beriman*

*Semoga kamu sentiasa  
Berbahagia di dunia dan akhirat*

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid, Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan serta dorongan dan nasihat.

Yang Berusaha Profesor Dr. Abdullah @ Alwi Hj. Hassan, Penyelia dan Pensyarah yang begitu mengambil berat dan bertimbang rasa.

Terima kasih dan penghargaan juga diberi kepada semua pensyarah di Akademi Pengajian Islam yang telah memberi pelbagai pertolongan dan bimbingan.

Tidak ketinggalan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan pertolongan dan kerjasama yang sungguh bermakna kepada usaha saya ini; iaitu Puan Fauziah bt. Yusof dan Puan Khatijah Bt. Abu Bakar, Pejabat Penyiasatan dan Perisikan, L.H.D.N. Shah Alam.

Penghargaan juga kepada staff dan kakitangan Perpustakaan Utama, Perpustakaan Za'aba, Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya, Perpustakaan Ibu Pejabat

L.H.D.N. Jalan Duta di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan.

Penghargaan yang khusus kepada rakan-rakan seperjuangan yang memberi semangat dan galakan iaitu Saudara Ja'afar, Hanifuddin, Omar, Asmak, Shahabuddin, Zaharuddin, Khairul dan Saiful.

Akhir sekali terimā kasih juga saya ucapkan kepada sesiapa juga yang tidak disebutkan namanya yang turut terlibat dalam usaha saya ini.

## **ABSTRAK**

Tujuan utama kajian disertasi ini adalah untuk menghuraikan perbezaan-perbezaan di antara zākāt dan cukai pendapatan menurut pandangan Islam. Pengeluaran zākāt adalah kerana ianya suatu kewajipan agama, yang jika ditinggalkan merupakan suatu kesalahan yang akan menerima āzāb yang pedih di akhirat kelak. Cukai pendapatan merupakan suatu kewajipan keduniaan; tetapi jika ianya ditunaikan dengan penuh rasa tanggungjawab dianggap sebagai suatu amalan yang baik, juga akan menerima balasan atau ganjaran dari Allah s.w.t di akhirat kelak. Pembayaran cukai pendapatan di samping zakat merupakan suatu tanggungjawab yang berat. Pemberian rebat zakat dalam kaedah pengiraan cukai pendapatan akan mengurangkan bebanan umat Islam dan merugikan kerajaan dari segi hasil. Sebagai gantinya, kerajaan perlu mengenakan cukai ~~kemajuan~~ (pembangunan) dan keuntungan berlebihan ke atas mereka yang tidak dikenakan zakat khasnya orang-orang bukan Islam. Kajian ini juga membuktikan unsur keadilan yang terdapat pada setiap jenis cukai yang dikenakan itu.

## **ABSTRACT**

The main objective of the disertission is to expalin the difference between zākāt and income tax according to Islamic perception. The inssuance of zākāt is a compulsory task in Islam whereby if it is not done, it will be regarded as a sin and Allah will punish scencely in the after world. Income tax is a worldly responsibility and carried out dutifully by all citizens in good faith. If it is done in good practice it will be rewarded by Allah too.

The encouragement of the payment of tax is not an offence from the Islamic point of view but a burden on the Malaysian Citizens. The rebat factor in the course of the calculation of income tax, has greatly reduced the burden but in actual fact it is a loss of revenue to the governement. To replace this loss, the government should impose development tax and excess profit tax on those who do not contribute zākāt, especiially on non muslim. This research also prove the fairness element which exist in all types of taxes imposed.

## SINGKATAN

L.H.D.M	- Lembaga Hasil Dalam Negeri
R.A	- Radiallahu `anhu
UK	- ; United Kingdom
KWSP	- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
S.A.W	- Sallallahai Wassalam
S.W.T	- Subha na wata'lā

## DAFTAR ISI

Kandungan	Halaman
HALAMAN TAJUK	
DEDIKASI	
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SINGKATAN	v
DAFTAR ISI	vi
PENDAHULUAN	
OBJEKTIF KAJIAN	1
KEPENTINGAN KAJIAN	4
MASALAH KAJIAN	6
HIPOTESIS	7
HURAIAN ISTILAH	7
SKOP KAJIAN	8
KAJIAN YANG LEPAS	9
KAEDAH PENYELIDIKAN	10
BAB PERTAMA	
KONSEP ZAKAT DAN CUKAI PENDAPATAN DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH	
1.1 DEFINASI ZAKAT	12
1.1.1 Definasi	13
1.1.2 Zākāt	15

1.2	CUKAI PENDAPATAN	25
1.2.1	Definasi Cukai	25
1.3	JENIS-JENIS CUKAI MODEN	39
1.3.1	Cukai Langsung	40
1.3.1.1	Cukai Pendapatan (Individu dan Syarikat)	40
1.3.1.2	Cukai Keuntungan Harta tanah	41
1.3.1.3	Orang Yang Dikenakan Cukai Langsung	42
1.3.1.4	Keuntungan yang dikenakan Cukai	43
1.3.1.5	Kadar Cukai	46
1.3.1.6	Cukai Aktiviti Perniagaan Persisiran Labuan	46
1.3.1.7	Cukai Duti Setem	49
1.3.2	Cukai Tidak Langsung	51
1.3.3	Cukai Jualan Akta 1972 (Akta 235)	51
1.4	PENGENAAN CUKAI DAN PEMBAYARAN	52
1.4.1	Kadar Cukai Jualan	53
1.4.2	Duti Impot dan Ekspot	53
1.4.3	Cukai Perkhidmatan	54
	NOTA HUJUNG	56

## BAB KEDUA

### CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU DAN ZAKAT

2.1	PENDAHULUAN	61
2.2	BIDANG PENGENAAN	62
2.3	ORANG-ORANG YANG LAYAK KENA CUKAI	64 -

2.4	ORANG-ORANG YANG DIKENAKAN	64
2.5	JENIS-JENIS PENDAPATAN YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI	66
2.6	TEMPOH ASAS	67
2.7	ZĀKĀT: ASAS PENGIRAAN	75
2.8	ZĀKĀT: HARTA YANG WAJIB DIKENAKAN	77
2.8.1	Zākāt Harta Terdiri Dari:	79
2.8.2	Zākāt Hasil Tanaman	80
2.8.3	Kadar Zākāt Perniagaan	81
2.8.4	Nisab dan Hawl	81
2.9	ZĀKĀT BINATANG TERNAKAN	82
2.10	ZĀKĀT EMAS DAN PERAK	83
2.11	ZĀKĀT PERNIAGAAN	84
2.12	ZĀKĀT PENDAPATAN GAJI	86
2.13	ZĀKĀT WANG SIMPANAN	88
2.14	ZĀKĀT HARTA SAHAM	88
2.15	KAEDAH PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN	90
2.15.1.	Pendapatan Dari Sumber Perniagaan	90
2.16	KAEDAH PENGIRAAN ZĀKĀT PERNIAGAAN	95
	NOTA HUJUNG	100

### BAB KETIGA

#### PERCUKAIAN ZAMAN AWAL ISLAM

3.1	PENDAHULUAN	103
3.2	PENTADBIRAN PERCUKAIAN DAN PENGUATKUASAANNYA	104
3.3	JENIS-JENIS CUKAI	106
3.3.1	Al-Jizyāh	106

3.3.2	Orang-orang Yang Dikenakan Jizyāh	109
3.3.3	Tempoh Kutipan Jizyāh	111
3.3.4	Kadar Jizyāh Yang Dikenakan Bayaran	111
3.4	CUKAI `USHR PERDAGANGAN	112
3.4.1	Syarat Pengenaan Cukai `Ushr	113
3.4.2	Nisbah Pengenaan `Ushr	115
3.4.3	Kadar `Ushr	115
3.5	AL-KHĀRAJ - CUKAI TANAH	117
3.5.1	Asas Pengenaan Cukai al-Khārāj	119
3.5.2	Orang-orang Yang Dikenakan al-Khārāj	120
3.5.3	Kadar Pengenalan al-Khārāj	120
3.6	CIRI-CIRI UMUM PERCUKAIAN DALAM ISLAM	121
3.7	DASAR KEADILAN DARI PERCUKAIAN ISLAM	121
	NOTA HUJUNG	125

#### BAB KEEMPAT

##### CUKAI KEUNTUNGAN BERLEBIHAN DAN CUKAI KEMAJUAN ATAU PEMBANGUNAN

NOTA HUJUNG	136
-------------	-----

#### KESIMPULAN

A.	PENDAHULUAN	138
B.	ASPEK-ASPEK PERBEZAAN	138
1.	Bidang Pengenaan Cukai	138
2.	Tempoh Asas	140
3.	Kadar Zākāt	140
C.	KESAN PEMBERIAN REBAT ZĀKĀT	146
D.	CADANGAN PERUBAHAN UNDANG-UNDANG CUKAI DI MALAYSIA	147

E. KESAN KEPADA PEMERINTAH (KERAJAAN)	152
NOTA HUJUNG	154
BIBLIOGRAFI	156
LAMPIRAN	

## **PENDAHULUAN**

Seorang rakyat Malaysia yang beragama Islam yang layak dikenakan cukai, dikehendaki membayar cukai pendapatan; di samping itu ia juga diwajibkan membayar zākāt, yang merupakan Rukun Islam yang keempat. Dalam menentukan jumlah cukai yang kena dibayarnya; ia diberi potongan rebat zākāt sepertimana yang diperuntukan di dalam Seksyen 6A, Akta Cukai Pendapatan, 1967, No. 47 (Akta 53). Potongan ini bertujuan mengurangkan tanggungan cukai pendapatan seorang individu muslim.

Pemberian rebat zākāt ini telah dikuatkuasa mulai Tahun Taksiran 1982. Rebат zākāt ini diberi potongan sekiranya seorang itu dikenakan cukai pendapatan. Manfāat ini tidak dinikmati oleh orang-orang yang tiada tanggungan cukai pendapatan. Isunya adakah pembayaran cukai pendapatan dan potongan rebat zākāt itu satu usaha mengurangkan tanggungan individu muslim terhadap cukai pendapatannya?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Ada beberapa objektif yang hendak dicapai di dalam kajian ini.

Penguatkuasaan cukai pendapatan dan kewajipan mengeluarkan zākāt bagi seorang individu muslim itu adalah merupakan satu tanggungan berganda yang harus dipikul. Sejauh manakah kenyataan ini benar, dan dapat dibuktikan kebenarannya.

Sebagai usaha mengurangkan tanggungan yang berganda ke atas orang Islam, rebat zākāt diberi potongan ke atas cukai yang kena bayar. Amalan ini tidak selaras dengan syāriāt Islam yang mana zākāt itu sendiri adalah satu kewajipan.

Tujuan pembayaran zākāt adalah untuk membersih dan pensucian ke atas harta seorang itu. Dengan mengharapkan ia diberi potongan dalam pengiraan cukai pendapatan seorang itu (dengan mengemukakan resit bayaran yang dikeluarkan pihak berkuasa Agama Negeri) adakah tercapai matlamat 'ubudiyyah' zākāt seseorang muslim itu.?

Bagi membetulkan prinsip atas pembayaran zākāt, tanggungan cukai pendapatan seorang perlulah ditolak dari jumlah pendapatan yang hendak dikenakan zākāt bagi sesuatu tempoh masa. Oleh kerana zākāt merupakan satu rukun yang wajib ditunaikan oleh setiap muslim ia patut diberi keutamaan dalam kehidupan seorang muslim.

Soal pemberian rebat zākāt dalam pengiraan pendapatan seorang itu tidak patut menjadi tujuan membayar zākāt semata-mata. Bagi menghapuskan tujuan 'utama' membayar zākāt ini, potongan rebat seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 6A Akta Cukai Pendapatan 1967 No. 47 (Akta 53) itu, adalah wajar dihapuskan oleh pihak berkuasa.

Dengan memberi potongan cukai pendapatan semasa mengira jumlah zākāt yang wajib dibayar, seorang itu telah melakukan suatu pembersihan ke atas harta/pendapatannya seperti yang dikehendaki oleh hukum syārāk. Manakala kewajipannya sebagai warganegara terlaksana sepenuhnya melalui penunaian tanggungjawabnya membayar cukai pendapatan tanpa sebarang gangguan atau pengurangan lagi.

Dari aspek kewangan negara, jumlah hasil kutipan, cukai pendapatan individu tidak akan terjejas, malahan akan menunjukkan sedikit pertambahan, di mana jumlah potongan rebat zākāt orang Islam tidak lagi wujud. Ini bererti meletakkan orang Islam sama taraf dengan yang bukan Islam sebagai warga negara dilihat dari aspek pembangunan dan tanggungjawab menjaga keselamatan dan pertahanan negara yang memerlukan perbelanjaan yang besar.

Penguatkuasaan cukai pendapatan ke atas orang Islam hari ini adakah selaras dengan penggunaan '*usyur*' dan '*jizyah*' di zaman awal pemerintahan kerajaan Islam - iaitu khususnya pada zaman Khalifah Umar al-Khattab? '*Usyur*' yang dikenakan pada kadar 10% atas nilai perdagangan seorang itu mempunyai beberapa persamaan dengan mana-mana cukai moden yang dikuatkuasakan hari ini. Apakah aspek-aspek persamaannya jika ada, dan sejauh mana pula perbezaannya?

#### KEPENTINGAN KAJIAN

Orang-orang Islam di negara ini, rata-rata berpendapat bahawa mereka dibebankan lebih dengan bayaran cukai pendapatan dan *zākāt* jika dibandingkan dengan orang-orang bukan Islam yang mempunyai hak yang sama sebagai warganegara. Bagi jumlah pendapatan atau harta yang sama seorang itu perlu ~~memperuntukkan~~ 2.5% untuk *zākāt* yang wajib dibayar kepada pihak berkuasa agama negeri di mana mereka bermastautin dan mereka juga perlu membayar cukai pendapatan pada kadar sekala mengikut ketetapan Undang-undang Cukai Pendapatan 1967 (Akta Kecil A 429).

Cukai pendapatan adalah sumber utama pendapatan Kerajaan Pusat. Sedangkan zakat pula hak Kerajaan Negeri

(Majlis Agama Islam). Dari segi kepentingannya, pendapatan yang dipungut oleh Kerajaan Pusat itu digunakan untuk tujuan perbelanjaan Kerajaan Pusat, iaitu seperti perbelanjaan mengurus pentadbiran, pembangunan, pertahanan, pendidikan, perubatan, 'infra struktur' dan sebagainya. Setiap warganegara perlu sama-sama menyumbang untuk membiayai perbelanjaan tersebut menerusi pembayaran pelbagai jenis cukai.

Tentulah tidak adil sekiranya tanggungjawab untuk membangunkan ekonomi negara dan mempertahankan kedaulatannya sebagai sebuah negara merdeka itu dibebankan ke atas segolongan rakyat atau penduduk sahaja. Sama ada seorang itu beragama Islam, Kristian, Buddha atau Hindu, dia dikehendaki memberi sumbangan mengikut kemampuan masing-masing kepada kewangan negara. Hal seperti ini telah berlaku pada zaman awal pemerintahan Islam.

Pentingnya konsep zākāt dan cukai pendapatan itu difahami oleh setiap warganegara bagi mengelakkan kekeliruan yang boleh menjejaskan keharmonian negara. Malaysia sebuah negara yang mempunyai penduduk dari berbagai-bagai bangsa dan agama memerlukan kestabilan dan keteguhan hubungan antara kaum bagi menjaminkan kehidupan yang aman damai.

Kajian ini akan melihat dari berbagai-bagai sudut percuakan moden dan cukai yang diamalkan pada zaman awal Islam untuk diselaraskan dengan pengenaan cukai dan kutipan zākāt hari ini supaya ianya tidak dianggap sebagai satu beban kepada mana-mana pihak dan kajian ini juga akan menganalisis beberapa aspek Undang-Undang Cukai yang tidak bertentangan dengan Undang-Undang Syariah dan penyesuaianya yang boleh dilakukan yang tidak menjejaskan Kerajaan Pusat sebagai pihak yang berkepentingan dalam pemungutan cukai tersebut.

#### **MASALAH KAJIAN**

Data-data persendirian yang berkaitan dengan cukai pendapatan seorang itu adalah sulit. Hanya pegawai yang telah mengangkat sumpah simpan rahsia di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 No. 47 (Akta 53) yang boleh mengambil maklumat-maklumat yang dikelaskan sebagai sulit.

Maklumat-maklumat ini pula tidak boleh didedahkan mengikut kuatkuasa Seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta Kecil A429).

#### **HIPOTESIS**

Dengan andaian bahawa cukai pendapatan mempunyai ciri-ciri yang sama dengan 'usyur' atau 'jizyāh' yang telah diamalkan di zaman Khalifah Umar al-Khattab (r.a) ianya adalah harus dikenakan ke atas seorang individu muslim yang mukallaf.

Pengasingan dari segi prinsip dan objektif di antara cukai pendapatan dan zākāt akan menghapuskan kekeliruan umat Islam.

#### **HURAIAN ISTILAH**

Istilah percukaian akan ditafsirkan mengikut huraiyan yang terdapat di dalam Buku Undang-Undang Cukai Pendapatan 1967 No. 47 (Akta 53) atau mana-mana Undang-Undang bertulis yang berkaitan.

## SKOP KAJIAN

Untuk menentukan bahawa seorang itu sebenarnya terpaksa menanggung dua beban, iaitu cukai pendapatan dan zākāt, satu analisis akan dibuat terhadap jenis-jenis pendapatan yang dikenakan cukai. Ini penting dalam menentukan sama ada ianya dikenakan cukai dan zākāt serentak dalam satu masa. Bidang atau skop pendapatan yang dikenakan cukai ini akan dianalisis mengikut peruntukan Seksyen 3 dan 4 Akta Cukai Pendapatan 1967 No. 47, (Akta 53). Di samping itu, satu perbandingan yang menyeluruh akan dibuat terhadap pendapatan atau harta yang dikenakan cukai mengikut hukum syārak.

Oleh kerana cukai dikira atau ditentukan amunnya mengikut aturan pengiraan seperti yang telah ditentukan oleh undang-undang cukai dan zākāt pula dikira berdasarkan hukum syārak, ianya perlu dianalisis secara berasingan dan perbezaan-perbezaan yang terdapat dari segi prinsip *nīsāb*, *hāwl*, tempoh asas dan bidang pengenaan harus diberi perhatian.

Peruntukan yang terdapat di dalam Seksyen 6A Akta Cukai Pendapatan 1967 No. 47 (Akta 53) yang memperuntukkan pemberian potongan khas untuk bayaran zakat dalam bentuk rebat. Satu kajian yang meliputi

objektif rebat zākāt dan kesannya ke atas hasil negara akibat penghapusan rebat; satu analisis juga akan dibuat terhadap agensi yang mengutip zākāt bagi melihat apakah kesan positif ke atas kutipan zākāt keseluruhannya.

Beberapa andaian pengiraan cukai pendapatan dan zākāt akan dikemukakan dari dua aspek yang berlainan. Satu contoh kiraan yang menunjukkan pengiraan cukai di atas pendapatan pengajian dan perniagaan yang diberi potongan rebat zakat. Sebagai perbandingan contoh pengiraan zākāt di atas pendapatan tersebut yang diberi potongan cukai pendapatan sebagai perbelanjaan.

Satu analisis akan dibuat terhadap kedua metod pengiraan, dan dari perbandingan antara keduanya akan menunjukkan beberapa ciri yang tersendiri di mana dari hasil negara yang menjadi pendapatan Kerajaan Pusat tidak terjejas. Sumber pendapatan ~~dari~~ cukai akan terus digunakan bagi menampung perbelanjaan pembangunan untuk kesejahteraan ummah.

#### KAJIAN YANG LEPAS

Maznah Mohd. Ali, "*Perbandingan di antara Zākāt dan Cukai Pendapatan*" Latihan Ilmiah Jabatan Syāriah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Sesi 1997/1998.

Baseri Ishak, "Sistem Percukaian Islam dan Konvensional - Satu Perbandingan", Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 1996.

Saiful Bahari<sup>1</sup> Yaziz, "Sistem Percukaian Dalam Islam: Satu Kajian Perbandingan", Jabatan Syāriah Universiti Kebangsaan Malaysia 1985.

#### **KAEDAH PENYELIDIKAN**

##### **Pendahuluan**

##### **Reka bentuk kajian**

Kajian adalah dalam bentuk analisis dan perbandingan ke atas amalan undang-undang cukai pendapatan di Malaysia.

##### **Metodologi Kajian**

##### **Kaedah Pengumpulan Maklumat atau Data**

##### **Penyelidikan Perpustakaan**

Perpustakaan Utama, Perpustakaan Majalah, Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya. Perpustakaan Akademi Percukaian Negara, Perpustakaan Ibu

Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Perpustakaan Utama  
Pusat Islam Malaysia.

Jurnal Cukai Malaysia, Laporan-laporan  
Perbendaharaan dan Laporan Kemajuan Lembaga Hasil Dalam  
Negeri.

**Penyelidikan Lapangan**

**Pengumpulan Data**

Kajian ke atas struktur Pentadbiran Cukai Malaysia  
dan Sistem Perundangannya.